



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH JERANTUT

MAKLUMAN

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Jerantut telah memutuskan untuk mengambil langkah-langkah proaktif bagi mencegah penularan dan memutuskan rantai kes COVID-19 di Daerah Jerantut. Tindakan ini diambil berikutan pengesanan empat (4) kes positif baharu iaitu pada 25 September 2020 (1 kes) dan 27 September 2020 (3 kes).

Langkah-langkah yang telah dikenalpasti tersebut adalah seperti berikut :-

1. Semua aktiviti Pekan Sehari dan Pasar Malam, ditangguhkan selama 14 hari.
2. Semua penganjuran majlis keramaian, kenduri-kendara dan program berskala besar, ditangguhkan selama 14 hari.
3. Bagi kes kontak rapat kepada kes positif yang hadir ke sekolah sebelum pengesanan dibuat, kelas terlibat akan ditutup selama 14 hari.
4. Masjid Tengku Ahmad Jerantut (MTAJ) dan Surau Al-Muflihah, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Peringkat 3 & 4, ditutup selama 14 hari.
5. Semua tadika dan taska di kawasan PAKR Bandar Baru Jerantut dan PAKR 3 & 4, ditutup selama 14 hari.
6. Semua premis makanan bermasakan di kawasan PAKR Bandar Baru Jerantut dan PAKR Peringkat 3 & 4, hanya boleh menjual makanan dan minuman secara berbungkus (*take-away*) sahaja.
7. Semua pusat riadah dan rekreasi di lokasi yang tidak dapat menjamin penjarakan fizikal di kawasan Bandar Jerantut, tidak dibenarkan beroperasi selama 14 hari termasuklah Padang FA, Bukit Seladang, Bukit Panau, Bukit Merah, Via-Feratta Paya Gunung dan Taman Tasik Teratai.
8. Taklimat Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 kepada Pembanci yang dijadualkan pada 1-5 Oktober 2020 ditangguhkan.

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di talian 09-2661641 (10.00 pagi hingga 5.00 petang). Sebarang maklumat lanjut khusus berkaitan keadaan COVID-19 pula bolehlah berhubung dengan Bilik Gerakan, Pejabat Kesihatan Daerah di talian 09-2662744 (8.00 pagi – 5.00 petang). Kedua-dua PKOB dan Bilik Gerakan ini dibuka termasuk pada hujung minggu dan cuti kelepasan am.

Bagi mengelakkan situasi panik yang tidak berasas, kerjasama semua adalah diminta untuk tidak menjadi agen penularan maklumat yang tidak sahih atau palsu. Penyebaran maklumat palsu boleh didakwa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 [Akta 588].

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Jerantut
28 September 2020